

17/05/1997

Kes HIV terus bertambah

MELAKA, Jumaat - Jumlah penduduk negara ini yang diuji positif HIV terus meningkat ke tahap yang membimbangkan dengan 380 kes baru dicatatkan setiap bulan.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir, berkata berdasarkan rekod Kementerian Kesihatan, ada 19,000 kes HIV dikesan sejak 1985 sehingga akhir tahun lalu.

"Bagaimanapun, saya menjangka jumlah ini sudah mencapai 20,000 kes membabitkan golongan berusia antara 18 tahun dan 30 tahun, tidak termasuk kes yang tidak dilaporkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah mengenai kesedaran Aids anjuran Kelab Rotary Melaka kepada kira-kira 100 peserta di sebuah hotel di sini, lewat petang ini.

Menurutnya, berbanding dengan Australia yang mencatatkan kira-kira 500 kes setiap tahun, jumlah kes HIV di negara ini begitu membimbangkan.

Marina berkata, antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan jumlah kes HIV dan Aids ialah sikap remaja yang kurang memberi perhatian terhadap penjagaan kesihatan.

"Kerajaan dan Majlis ini serta pihak lain menjalankan pelbagai usaha termasuk kempen, bengkel dan forum untuk memberi penerangan berkaitan Aids dan HIV," katanya.

(END)